

Tahap Literasi Keusahawanan Digital Dalam Kalangan Pelajar Yang Mengikuti Kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital

Noor Hafizah binti Hassan¹, Rosnaimah binti Mohamed Yunos²

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau, Merlimau, 77300, Malaysia; noorhafizah@pmm.edu.my

²Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau, Merlimau, 77300, Malaysia; rosnaimah@pmm.edu.my

Abstrak Kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital mula dilaksanakan di politeknik pada Sesi Jun 2015. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti tahap literasi *Digital Entrepreneurship* dalam kalangan pelajar Politeknik Merlimau yang mengambil kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengambil kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital Sesi Jun 2016 dan Sesi Disember 2016. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai alat pengumpulan data bagi mengkaji pembolehubah dalam kajian ini. Skala Likert 5 peringkat digunakan dalam kajian ini. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan nilai min dan peratus. Ujian T digunakan untuk melihat perbezaan pembolehubah yang dikaji. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package Social Science (SPSS)* versi 23. Dapatan kajian menunjukkan skor min tahap literasi adalah pada tahap yang tinggi. Aspek kemahiran membina laman web perniagaan menggunakan *web builder* perlu diberi perhatian kerana memperoleh skor min terendah. Selain itu, analisis ujian-t menunjukkan dua kumpulan pelajar Sesi Jun 2016 dan Sesi Disember 2016 tidak mempunyai perbezaan yang signifikan. Peratus kelangsungan perniagaan selepas tamat kursus mencatatkan peningkatan bagi Sesi Disember 2016 berbanding hanya pada Sesi Jun 2016. Berdasarkan hasil kajian, terdapat beberapa implikasi penting untuk pengajaran dan pembelajaran iaitu supaya aspek yang perlu diberi penekanan dapat dikenalpasti. Kesimpulannya, dengan kajian ini membantu pensyarah untuk merancang strategi dan pendekatan pengajaran & pembelajaran ke arah pencapaian KPI pelaksanaan kursus iaitu 50% pelajar mempunyai perniagaan atas talian.

Kata kunci kursus Pembangunan Keusahawanan Digital, literasi keusahawanan digital, pengaplikasian perniagaan atas talian

1. Pendahuluan

Perniagaan atas talian telah menjadi satu fenomena dalam kalangan pengguna internet, pelajar khususnya. Dengan pelbagai aplikasi dan platform yang dapat diakses melalui internet, ia menjadikan sesebuah perniagaan itu menjadi kurang kompleks dan lebih mudah dilaksanakan dengan modal yang minima tanpa didokong oleh faktor kerjaya atau profesion seseorang. Berdasarkan sumber analitik yang diperolehi dari GSMA Intelligence 2016 mencatatkan daripada 30.5 juta penduduk Malaysia, 41.8 juta mempunyai akaun mobil. Seramai 20.1 juta pengguna aktif internet dan 16.8 juta dari pengguna adalah pengguna media sosial yang aktif. Menurut MDEC (2016), 60 peratus dari pengguna media sosial adalah pembeli *online* melalui telefon pintar.

Cara komuniti berkomunikasi untuk menjual dan membeli telah berubah. Sekiranya perniagaan dahulu memerlukan promosi untuk menghasilkan jualan, kini dengan hadirnya media sosial keputusan pembelian telah berubah. Dengan informasi percuma dan testimoni dari pengguna

produk boleh menghasilkan jualan. Menyedari perubahan tren tersebut melalui Mesyuarat Lembaga Kokurikulum Program dan Kursus Latihan di Politeknik bil1/2015 telah meluluskan untuk kursus elektif bagi pelajar program Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Pemasaran. Antara objektif kursus adalah untuk menghasilkan 50 peratus pelajar yang mengikuti kursus mempunyai perniagaan atas talian.

Kursus ini ditawarkan sebagai kursus elektif bagi program pengajian peringkat diploma di Jabatan Perdagangan, Politeknik. Kursus ini dibangunkan secara kerjasama daripada tiga organisasi iaitu, Politeknik, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC) dan Association of Business Executive United Kingdom (ABE). MDEC telah bekerjasama dengan empat institusi TVET iaitu Politeknik, Kolej Komuniti, Giat MARA dan Kolej Vokasional dalam merealisasikan agenda negara ini. Tujuan utama kursus ini dibangunkan adalah bagi merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) Lonjakan Pertama: Graduan Holistik Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Program di Jabatan Perdagangan yang terli-

bat menawarkan kursus DPB5063 *Digital Entrepreneurship* adalah Diploma Pengurusan Perniagaan dan Diploma Pemasaran.

2. Latar Belakang Kajian

Tidak dapat dinafikan satu fenomena komunikasi di dunia paling popular ketika ini adalah media sosial. *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *Google Plus* semakin digunakan secara universal dan meluas.

Sejajar dengan itu bermula pada Sesi Jun 2015 kursus DPM5063 Pembangunan Keusahawanan Digital telah diperkenalkan di Politeknik Malaysia. Kursus ini diperkenalkan seiring dengan Programme Learning Outcome 1 (PLO 1) Diploma Pengurusan Perniagaan iaitu *Apply fundamental principles of business and soft skills in related business and other related fields to be outstanding and successful in future*.

Namun begitu terdapat hanya sebilangan pelajar yang masih meneruskan perniagaan atas talian selepas tamat kursus yang diambil dan dalam bidang keusahawanan digital yang diceburi. Tinjauan awal melalui pensyarah kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital mendapati, tidak ramai pelajar yang meneruskan perniagaan atas talian selepas tamat kursus. Timbul persoalan berhubung dengan tahap literasi pelajar untuk kursus DPB5063 ini memandangkan ianya adalah pada peringkat awal pelaksanaannya.

2.1. Pernyataan Masalah

Bedasarkan latar belakang kajian dan persoalan yang timbul, pengkaji ingin mendapatkan maklumat tahap literasi Keusahawanan Digital dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital.

2.2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti tahap literasi Keusahawanan Digital
- ii. Menenalpasti perbezaan yang signifikasi tahap literasi antara pelajar Sesi Jun 2015 dan Sesi Disember 2015

2.3. Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan:

- i. Apakah tahap literasi Pembangunan Keusahawanan Digital?
- ii. Apakah wujud perbezaan yang signifikasi tahap literasi antara pelajar Sesi Jun 2015 dan Sesi Disember 2015

2.4. Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat memberi kepentingan kepada pelajar, pensyarah kursus, Unit Keusahawanan Politeknik Merlimau, Politeknik Merlimau dan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meneliti dan memperkemas lagi pendekatan pengajian dan pengajaran kursus DPB5063 dan menyediakan kursus-kursus dan program-program yang berkaitan untuk pelajar ke arah mencapai objektif, KPI pelaksanaan kursus dan melahirkan graduan yang berkualiti tinggi dan berdaya saing. Di samping itu juga, kajian ini

dapat dijadikan rujukan kepada agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MDEC) dalam meningkatkan penyertaan pelajar dalam bidang keusahawanan digital ini.

3. Kajian Literatur

3.1. Keusahawanan Digital

Penyertaan digital merupakan akses dan kegunaan internet yang merangkumi pelbagai aktiviti yang berkaitan terhadap pencapaian masyarakat maklumat yang inklusif (Livingstone dan Helsper, 2007) Dengan itu penyertaan digital boleh dianggap sebagai kunci kepada meningkatkan kesedaran tentang manfaat dan faedah daripada teknologi digital, antaranya perkhidmatan kerajaan, hiburan, pekerjaan, perniagaan dan kaedah membeli-belah yang efisien.

Penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan telah meningkat dengan ketara seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Sekarang ini ramai usahawan menggunakan aplikasi atas talian seperti *Facebook*, *Instagram* dan juga aplikasi e-perniagaan untuk meningkatkan capaian urusan perniagaan dan jua mempermudahkan urusan jual beli barangan. Mostafa, Wheeler dan Jones (2006) dalam Faradillah Iqmar Omar dan et.al (2015) mendapati mendapati usahawan yang mempunyai orientasi internet yang tinggi menunjukkan peningkatan dalam memperluaskan hasil perniagaan mereka. Justeru perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dilihat sebagai pemangkin kepada perluasan perniagaan terutamanya dalam perniagaan atas talian.

Menurut Choudhury (2009) dalam Faradillah Iqmar Omar dan et.al (2015), pengkaji terdahulu telah mencadangkan bahawa komuniti atas talian dan jaringan hubungan melalui internet ini akan membawa kehidupan ke arah lebih berkualiti. Justeru dengan keadaan ini adalah relevan dengan perkembangan dunia perniagaan sekarang yang kebanyakannya dapat dikembangkan melalui internet. Ini berikutan revolusi penggunaan internet yang telah memberi impak yang besar terhadap kehidupan seharian khususnya bidang keusahawanan di seluruh dunia.

Berdasarkan sumber analitik yang diperolehi dari GSMA Intelligence 2016 mencatatkan daripada 30.5 juta penduduk Malaysia, 41.8 juta mempunyai akaun mobil. Manakala 20.1 juta pengguna aktif internet dan 16.8 juta dari pengguna adalah pengguna media sosial yang aktif. Menurut MDEC 2016, 60 peratus dari pengguna media sosial adalah pembeli online di telefon pintar.

Fenomena ini diketahui sebagai keupayaan masyarakat dalam memahami kandungan internet itu sendiri. Justeru, Mark Warschauer (2003) memperkenalkan beberapa sumber yang diperlukan oleh masyarakat bermaklumat dan menjadi pengguna internet iaitu, 1) sumber fizikal: akses kepada komputer dan internet; 2) sumber digital: kemahiran untuk mencari dan memahami kandungan internet; 3) sumber manusia: penggunaan ICT dan pendidikan termasuk pengetahuan dan pemahaman dan 4) Sumber sosial; meliputi komuniti setempat, institusi dan struktur sosial yang bergantung dengan IT. Kesemua ini adalah diperlukan da-


lam memperkukuhkan kemahiran IT dan mengatasi jurang digital.

3.2. Tahap Literasi

Menurut gabungan *The Partnership for 21st Century Skills* atau P21 (2004) dalam Koo Yew Lie et.al (2010) definisi literasi masa kini bukan sahaja bermaksud penguasaan bacaan, menulis dan aritmetik, tetapi juga penguasaan ilmu lain. Ini termasuklah keupayaan seorang pelajar untuk menguasai strategi dan kemahiran berkaitan dengan daya pemikiran kritis dan kreatif, serta kemahiran lain yang membentuk seorang pelajar yang berautonomi. Literasi yang dimaksudkan ini juga adalah tidak terhad kepada pemahaman teks-teks bercetak tetapi kepada melayari teks-teks media, dan menggunakan kemandirian dan kemahiran social untuk memenuhi setiap tuntutan bagi kepelbagaian komuniti. Tahap kemahiran literasi yang perlu diperolehi oleh belia abad ke 21 ini harus memberi mereka kemahiran untuk saling menggabungkan ilmu local dengan ilmu global, serta membuat mereka cekap mengadaptasi bentuk pengetahuan dan cara perkongsian ilmu yang kian berubah supaya tidak terpinggir maupun ketinggalan. Seiring dengan (Rosnoni & Mohamad Aril (2010) dalam Nor Syazwani Mat Salleh et.al (2015) perkembangan teknologi menjadi satu keperluan dalam kehidupan.

Terdapat pelbagai peringkat yang perlu dilalui oleh usahawan yang mana ianya bermula daripada potensi usahawan untuk mencipta sesuatu yang menarik sehingga menjadi usahawan sebenar Mohd Osman, (2007) dalam Mohd Shahrir bin Abdullah (2015); Jelas kerangka umum proses menjadi usahawan yang dibangunkan oleh Mohd Osman jelas menunjukkan bahawa kemahiran adalah elemen penting dan perlu ada pada diri seseorang. Menurut Yusof (2003) dalam Mohd Shahrir bin Abdullah (2015), kemahiran teknikal melibatkan keupayaan menggunakan pengetahuan yang spesifik dan teknik dalam sesuatu bidang kejuruteraan, kewangan, perakauan, dan pemasaran. Kemahiran diperolehi melalui pendidikan formal dan juga pengalaman meneruskan kehidupan seharian. Abdul (2008) dalam Norasmah Othman (2009), menyatakan kemahiran teknikal amat diperlukan terutamanya dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan bagaimana hendak memasarkan produk, bagaimana hendak menyediakan belanjawan dan bagaimana hendak menyediakan penyata untung rugi. Menurut Abdul (2008) dalam Norasmah Othman (2009), kemahiran konseptual melibatkan keupayaan untuk menganalisis, menjangka, mengenalpasti peluang, memulihkan keadaan, membuat keputusan dan memantau dalam usaha memajukan dan meneruskan perniagaan.

Menurut Abd. Razak bin Idris et.al (2010) literasi ICT tertumpu kepada beberapa aspek iaitu komunikasi, kolaborasi, mengurus, kebolehan metakognitif, merekabentuk dan mengintegrasikan. Dari itu, penyelidik telah membangunkan kerangka kajian untuk mengukur tahap literasi keusahawanan digital pelajar.



Rajah 1. Kerangka teori diadaptasi dari Abdul Razak & Nurul Aliyah (2010)

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian telah dibangunkan untuk menguji objektif kedua kajian.

Hipotesis nul (Ho) : Tidak terdapat perbezaan tahap literasi pelajar di antara pelajar sesi jun 2015 dengan pelajar sesi Disember 2015 yang mengikuti kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital.

Hipotesis alternative (Ha) : Terdapat perbezaan tahap literasi pelajar di antara pelajar sesi jun 2015 dengan pelajar sesi Disember 2015 yang mengikuti kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital.

4. Metodologi

4.1. Rekabentuk Kajian

Kajian adalah berbentuk deskriptif dan dijalankan secara tinjauan. Menurut Azizi Yahaya et. Al (2007), statistik deskriptif digunakan bagi menghurai ataupun membuat ringkasan pada maklumat ataupun data yang diperolehi bagi populasi atau sampel, ia biasanya digunakan oleh para penyelidik bagi membuat ringkasan pada maklumat ataupun data yang mempunyai kuantiti yang besar, Alat pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui borang soalselidik dan menggunakan kaedah kuantitatif dalam menganalisis data kajian. Perisian *Statistical Package Social Science (SPSS)* versi 23 digunakan dalam kajian ini. Borang soalselidik digunakan kerana bagi mendapatkan pandangan penting individu mengenai sesuatu perkara (Noraini, 2010). Individu dalam pernyataan di atas merujuk kepada populasi yang hendak dikaji. Selain itu, menurut Walker R. (1985) dalam Rosmalaily et.al (2013), kelebihan menggunakan soal selidik adalah memudahkan responden menjawab, soalan-saoalan yang lebih mudah disediakan dan tindakan susulan lebih mudah dilakukan.

4.2. Populasi dan Sampel

Dalam sesuatu kajian penyelidikan pendidikan, mengenalpasti populasi merupakan perkara penting kerana ia menentukan bidang masalah yang perlu dikaji serta sebanyak mana data dan maklumat yang perlu dikumpul.

Populasi bagi kajian ini adalah pelajar Jabatan Perdagangan yang mengikuti Kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital pada Sesi Jun 2015 dan Sesi Disember 2015. Jumlah populasi pelajar adalah 190 orang yang terdiri dari pelajar Program Diploma Pemasaran dan Diploma Pengurusan Perniagaan. Populasi ini dipilih kerana mereka merupakan pelajar dua semester terawal yang mengikuti kursus tersebut pada awal pelaksanaannya. Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah pensampelan rawak mudah di mana ke semua populasi berpeluang sebagai sampel kajian. Sampel kajian berjumlah 158 orang pelajar, iaitu merupakan jumlah pelajar yang telah

menjawab borang soal selidik yang menggunakan aplikasi *Google Form*. Bilangan ini melebihi bilangan sampel mengikut jadual Krejcie, R.V and Morgan D.W dalam Azizi et al. (2007).

4.3. Pembolehubah dan Intrumen Kajian

Menurut Syaharam (1990) dalam Meor Ibrahim et.al (2010), instrumen kajian merupakan alat pengukuran yang digunakan untuk mengumpul maklumat tentang sesuatu subjek. Dalam kajian ini, soal selidik digunakan sebagai intrumen kajian. Soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soalselidik yang dibina oleh pengkaji terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merupakan demografi pelajar yang bertujuan untuk mendapatkan latar belakang responden. Maklumat berkenaan adalah mengenai jantina, sesi mengikuti kursus, program pengajian. Bahagian B adalah mengenai tahap literasi keusahawanan digital.

4.4. Kaedah Analisis Data

Data yang telah diperoleh daripada kajian sebenar untuk menentukan tahap literasi keusahawanan digital dalam kalangan pelajar yang telah mengikuti Kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital.

Dapatan kajian diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS Versi 23). Min, peratus serta Ujian-t digunakan untuk menentukan tahap literasi pelajar dan mengenalpasti perbezaan yang signifikan literasi keusahawanan digital pelajar bagi Sesi Jun 2016 dan Sesi Disember 2016. Jika nilai min bagi sesuatu kumpulan responden berkait dengan sesuatu aspek yang dikaji. Berdasarkan jadual 1, jika nilai min berada di antara 1 hingga 2.40, kumpulan responden tersebut dianggap mempunyai tahap kompetensi yang lemah. Jika nilai minnya berada di antara 2.41 hingga 3.80, maka kumpulan tersebut dianggap sebagai mempunyai kompetensi yang sederhana. Manakala jika nilai minnya berada di antara 3.81 hingga 5, kumpulan tersebut dianggap mempunyai tahap kompetensi yang baik.

Jadual 1 Markat Skor Min

Pernyataan	Markat
Lemah	1.00 - 2.40
Sederhana	2.41 - 3.80
Tinggi	3.81 - 5.00

(Adaptasi daripada Landell, 1997 dalam Rosmalaily dan et.al (2013)

Analisis inferensi yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian-t. Menurut Fauzi Hussin et.al (2014) dalam Rosmalaily et.al (2013), Ujian-t bagi sampel bebas bertujuan untuk membandingkan nilai min antara dua kumpulan sampel yang saling tidak bergantung (bebas)

Ujian-t digunakan bagi menguji hipotesis nul untuk melihat perbezaan min elemen tahap literasi keusahawanan Digital pelajar berdasarkan sesi pengajian pelajar iaitu Sesi Jun 2016 dan Sesi Disember 2016. Pengukuran ini berdasarkan nilai sig. (p) yang diperoleh dibandingkan dengan

pekali alpha (α) menentukan hipotesis nul (H_0) diterima atau ditolak. Hanya hipotesis nul (H_0) yang akan diuji. Nilai pekali alpha (α) yang akan digunakan adalah .05 dan akan diuji pada setiap item kajian. Secara umumnya, hipotesis nul (H_0) akan ditolak sekiranya sig. (p) yang diuji lebih rendah dari pekali alpha ($\alpha=.05$). Sekiranya hipotesis nul (H_0) ditolak ini membuktikan wujud perbezaan yang signifikan secara statistik antara pelajar yang mengikuti kursus pada Sesi Jun 2015 dan Sesi Disember 2015. Maka hipotesis alternatif diterima (H_a).

4.5. Kajian Rintis

Kajian rintis adalah bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen (Mohd Najib, 2003) dalam Nihra e.al (2007). Menurut Mohd Najib (1990) dalam Nihra e.al (2007), kajian rintis juga merupakan kajian yang dijalankan untuk memastikan kesesuaian arahan dan format yang digunakan dalam soal selidik dengan memberikan soal selidik kepada sekumpulan responden yang dikaji. Oleh itu pengkaji telah menjalankan kajian rintis terhadap borang soal selidik yang dibina untuk menguji kebolehpercayaan item soalan. Kajian rintis dijalankan kepada 27 orang pelajar yang telah mengikuti kursus DPB5063 pada Jun 2016.

Merujuk kepada Mohd Salleh & Zainuddin (2003), mereka menyatakan sekiranya nilai alpha atau pekali kebolehpercayaan kurang daripada 0.36n maka bolehlah dianggap instrumen yang digunakan dalam kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah. Oleh yang demikian rombakan perlu dibuat pada instrumen sehingga pekali kebolehpercayaannya mencapai sekurang-kurangnya 0.75. Setelah kajian rintis dilakukan, *Alpha Cronbach* diperolehi nilainya 0.899. Nilai ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan borang soal selidik boleh diedarkan kepada sampel yang terpilih.centred.

5. Dapatan Kajian

Di dalam bahagian ini, penyelidik akan membincangkan keputusan yang telah diperolehi daripada analisis data kajian yang diperolehi dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS Versi 23).

5.1. Analisis Demografi

Dapatan kajian bagi faktor demografi dianalisis dengan menggunakan kekerapan dan peratusan. Taburan Jantina Pelajar.

Jadual 2 Analisis Jantina Respondan

		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	26	16.5
	Perempuan	132	83.5
Total		158	100

Jadual 4.1 menunjukkan jantina responden iaitu 26 orang pelajar lelaki,16.5 peratus manakala 132 orang pelajar perempuan 83.5 peratus..

Jadual 3 Analisis Pelajar Mengikuti Semester

		Bilangan	Peratus
Sesi	Jun 2015	76	48.1
	Disember 2015	82	51.9
Total		158	100

Jadual 4.2 menunjukkan bilangan responden 75 orang pelajar dari Sesi Jun 2015 iaitu merangkumi 48.1 peratus dari keseluruhan responden. Manakala 82 orang responden iaitu 51.9 peratus dari keseluruhan responden.

5.2. Analisis Deskriptif

Bagi persoalan kajian yang pertama, 'Apakah tahap literasi Keusahawanan Digital?', dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah statistik min. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya tahap literasi Keusahawanan Digital pelajar pada tahap yang tinggi iaitu dengan skor min purata 3.84. terdapat 4 dari 9 aspek yang dikaji memperoleh skor min dengan pencapaian sederhana iaitu kemahiran membangunkan laman web, kemahiran menggunakan kemudahan *Facebook Advertisement*, pengemaskinian *Facebook Page* dan *Instagram Account*. Aspek mengemaskini *Facebook Pages* secara konsisten & berjadual perlu diberi penekanan pada pensyarah kursus pada masa akan datang. Selain itu, kemahiran membangunkan laman web dengan menggunakan *web builder* juga perlu diberi perhatian lebih oleh pensyarah dan pelajar yang mengikuti kursus.

Jadual 4 Analisis Min Tahap Literasi Pelajar

Item Soalan	min	Tafsiran
Saya mahir membina <i>Facebook Pages</i> untuk perniagaan	3.97	Tinggi
Saya mahir membangunkan Akaun <i>InstInstagram</i> untuk perniagaan	4.20	Tinggi
Saya mahir membina laman web perniagaan menggunakan <i>web builder</i> (wix, weebly etc.)	3.66	Sederhana
Saya mempunyai kemahiran asas fotografi menggunakan aplikasi telefon bimbit	3.99	Tinggi
Saya mempunyai kemahiran asas pengeditan gambar menggunakan telefon bimbit	3.96	Tinggi
Saya mahir menggunakan kemudahan <i>Facebook Advertisement</i> untuk memasarkan produk	3.80	Sederhana
Saya mahir dengan tekni <i>Copywriting</i>	3.84	Tinggi

Saya mengemaskini <i>Facebook Pages</i> secara konsisten & berjadual	3.51	Sederhana
Saya mengemaskini <i>Instagram Account</i> secara konsisten & berjadual	3.67	Sederhana

5.3. Analisis Ujian T

Ujian-t turut dijalankan untuk mengetahui sama ada wujud perbezaan yang signifikan di antara skor min pelajar yang mengikuti kursus pada Sesi Jun 2016 dan Sesi Disember 2016. Hipotesis telah dibangunkan seperti di bawah:
Hipotesis nul (Ho): Tidak terdapat perbezaan tahap literasi antara pelajar Sesi Jun 2016 dengan Pelajar Sesi Disember 2016 yang mengikuti kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital.

Hipotesis alternative (Ha): Terdapat perbezaan tahap literasi antara pelajar Sesi Jun 2016 dengan Pelajar Sesi Disember 2016 yang mengikuti kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital.

Bagi persoalan kajian 'Apakah wujud perbezaan yang signifikan tahap literasi signifikan tahap literasi antara pelajar Sesi Jun 2015 dan Sesi Disember 2015', hasil analisis adalah seperti berikut:

Jadual 5 Analisis Ujian-t

	t	Sig.	Perbezaan min
Literasi	0.326	0.0742	0.025

Keputusan menunjukkan perbezaan tersebut adalah tidak signifikan. Ini menggambarkan tahap literasi keusahawanan digital pelajar bagi Sesi Jun 2015 dan Sesi Disember 2015 adalah sama, dengan aras signifikan 0.0742 iaitu melebihi 0.05. Maka Hipotesis nul (Ho) diterima, di mana tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara literasi keusahawanan digital pelajar yang mengikuti kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital bagi Sesi Jun 2016 dan Sesi Disember 2016.

Jadual 6 Analisis Kelangsungan Perniagaan atas talian

		Kelangsungan			Bil.	Peratus %
		Ya	Tidak	Total		
					Ya	
Sesi	Sesi Jun 2015	40	36	76	40.0	50.6
	Sesi Disember 2015	53	29	82	53.0	64.6
Total		93	65	158		

Bilangan pelajar yang meneruskan perniagaan atas talian selepas tamat kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital pada Sesi pelajar setiap semester dikenalpasti. Didapati bahawa bilangan pelajar yang meneruskan perniagaan adalah 40 orang iaitu 50.6 peratus dari keseluruhan

pelajar yang mengikuti kursus pada Sesi Jun 2016 iaitu seramai 76 orang. Peratus kelangsungan perniagaan atas talian mencatat peningkatan pada sesi Disember 2016 iaitu 53 orang iaitu sebanyak 64.6 peratus. Peningkatan adalah sebanyak 14 peratus.

6. Perbincangan, Limitasi, Cadangan dan Kesimpulan

Dalam kajian ini, telah membuktikan tahap literasi keusahawanan digital adalah tinggi walaupun Kursus DPB5063 Pembangunan Keusahawanan Digital adalah pada peringkat awal pelaksanaannya. Hasil min bagi aspek tahap literasi keusahawanan digital adalah pada tahap yang tinggi dengan hanya 3 aspek memperoleh skor min sederhana. Namun begitu kualiti pembelajaran, pengajaran dan pengisian lain harus dimantapkan agar lebih ramai lagi usahawan digital dapat dilahirkan oleh Politeknik Merlimau. Antara impak kajian ini adalah, para pensyarah perlu memberikan lebih fokus dan menambahbaik pendekatan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk pembinaan laman web dan kemahiran menggunakan *Facebook Advertisement*. Sekiranya penambahbaikan dilaksanakan dengan jitu impaknya bukan hanya dirasai oleh institusi sendiri malah tuntutan komuniti dapat dipenuhi dengan permintaan komuniti terhadap dunia pembelian atas talian yang kian meningkat. Menurut Farhan Mat Arisah et.al (2015) terdapat sembilan faktor yang dikenalpasti dalam pembelian atas talian ini. Antaranya keselamatan, produk yang ditawarkan, risiko, pengalaman/ testimoni pengguna, paparan laman utama, mudah dan jimat masa, boleh dipercayai, perkhidmatan pengguna dan promosi, dan reputasi penjual. Dapatan **mendapati lima faktor yang menjadi pilihan utama pengguna** antaranya adalah boleh dipercayai (38.2%) dan pengalaman/ testimoni pengguna (32.4%). Oleh itu adalah amat penting usahawan digital mempersiapkan diri dengan memperkasakan dan mengaplikasikan kesemua faktor yang telah dikenalpasti, agar kelangsungan perniagaan atas talian dapat ditingkat seterusnya mengembangkan perniagaan atas talian ke peringkat yang lebih tinggi.

6.1. Limitasi & Cadangan Kajian Susulan

Antara limitasi yang dihadapi dalam melaksanakan kajian ini adalah dari segi masa. Penyelidik perlu membahagikan masa sebaiknya agar faktor tugas hakiki dan lain-lain tugas sampingan tidak mengekang dalam pelaksanaan kajian ini. Kajian dijalankan sehabisbaik agar objektif kajian tercapai dan impak kajian dapat dirasai oleh pelajar, pensyarah, jabatan, kementerian dan seperti komuniti masyarakat.

Berikut adalah cadangan kajian susulan yang dikenalpasti boleh dilaksanakan pada masa hadapan. Antaranya adalah:

1. Mengkaji faktor yang mempengaruhi kelangsungan perniagaan atas talian oleh pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau
2. Melaksanakan kajian tindakan yang memfokuskan untuk memperbaiki tahap kualiti dari aspek pelaksanaan kursus DPB5063 ke arah kelangsungan perniagaan atas talian

3. Hubungan kelangsungan perniagaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kelangsungan perniagaan.

6.2. Kesimpulan

Perniagaan atas talian dan keusahawanan digital dilihat mempunyai potensi besar masa kini. Secara umumnya, dapatan menunjukkan tahap literasi keusahawanan pelajar adalah pada tahap yang tinggi. Namun kualiti pembelajaran & pengajaran dan pengisian lain perlu dipermantapkan agar hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) Lonjakan Pertama: Graduan Holistik Berciri Keusahawanan dan Seimbang tercapai seiring dengan mencapai Programme Learning Outcome 1 (PLO 1) Diploma Pengurusan Perniagaan iaitu *Apply fundamental principles of business and soft skills in related business and other related fields to be outstanding and successful in future*. Dicapadangkan agar kajian seterusnya akan diteruskan supaya faktor yang mempengaruhi kelangsungan perniagaan dapat dikenalpasti seterusnya dapat memperkukuhkan lagi rancangan pengajaran dan pengajaran agar visi negara, kementerian, institusi dan jabatan tercapai secara keseluruhannya.

RUJUKAN

- Noraini Idris (2010). Penyelidikan dalam pendidikan. Malaysia: Penerbit Mc Graw Hill.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2014). Kaedah penyelidikan & analisis data SPSS. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Rosmalaily Binti Zainul Abidin & Rosfahihah Binti Roslan (2013). Kajian politeknik sebagai institusi pilihan utama pelajar di Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau
- Rosfahihah Binti Roslan & Rosmalaily binti Zainul Abidin (2015). Tahap kualiti pengajian tinggi Politeknik Merlimau dari perspektif pelajar bukan teknikal Politeknik Merlimau
- Living Stone & Helsper (2007). Graduations in digital inclusion: children young people and the digital divide new media & society, 9(4), 671
- Faradillah Iqmar Omar, Samsuddin A.Rahim & Ali Salman (2015). Penyertaan digital dan ciri keusahawanan dalam permerkasaan wani241-256.
- Mark Warschauer (2003). Technology and social inclusion: Rethinking the digital divide, 274-286.
- Mohd Shahrin bin Abdullah (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Politeknik dalam menceburi bidang keusahawanan, 1-72
- Norasmah Othman, Azyyanti Anuar & Muhmmad Hussin (2009). Kekangan dalam menjalankan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia, 87-107.
- KooYew Lie & Hazita Azman (2010). Tahap literasi dalam Bahasa Inggeris di kalangan belia di Institut Belia Kebangsaan, 35-51.
- Abd. Razak bin Idris & Nurul 'Aliyah binti Hassan (2010). Literasi ICT dalam kalangan pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor. Artikel Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dipetik dari [http://eprints.utm.my/10245/2/Nurul_G%C%87%C3%BFAliah_Binti_Hassan.pdf\(Inmalay\)\[10Jun2014\]\(Inmalay\)](http://eprints.utm.my/10245/2/Nurul_G%C%87%C3%BFAliah_Binti_Hassan.pdf(Inmalay)[10Jun2014](Inmalay))

Farhan Mat Arisah, Shamsul Azahari Zainal Badari & Ahmad Hariza Hashim (2015). Amalan pembelian secara atas talian (online) dan faktor-faktor yang mempengaruhi, 764-770.

Nor Syazwani Mat Salleh, Rosseni Din & Intan Farahana Kamsin (2014). Pembudayaan literasi ICT dalam kalangan pelajar orang asli menerusi persekitaran pembelajaran peribadi, 45-56.

Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Mazeni Ismail (2010). Stres dalam kalangan guru sekolah menengah di empat buah negeri di Malaysia, 103-136.

Meor Ibrahim bin Kamaruddin & Siti Nadya binti Zynuddin (___). Persepsi pelajar tahun akhir aliran sains Fakulti Pendidikan , Universiti Teknologi Malaysia terhadap pendekatan pembelajaran secara *problem-based-learning* (PBL) Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Dipetik dari http://eprints.utm.my/11151/1/Persepsi_Pelajar_Tahun_Akhir_Aliran_Sains_Fakulti_Pendidikan.pdf

Nihra Haruzuan Bin Mohamed Saiz & Nurul Hakimah Binti Embong (2007). Kajian tinjauan penerapan kemahiran generic melalui penggunaan E-pembelajaran di kalangan pelajar tahun akhir Jabatan Multimedia Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dipetik dari http://eprints.utm.my/12009/1/Kajian_Tinjauan_Penerapan_Kemahiran_Generik_Melalui_Penggunaan_E.pdf